

24 OCT 1999

Abdullah-BN

BN TELAH BUKTI KEMAMPUANNYA, KATA ABDULLAH BADAWI

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini berkata Barisan Nasional (BN) telah membuktikan kemampuannya untuk menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Abdullah berkata ini kerana BN mempunyai falsafah yang nyata, wawasan yang jelas, serta program-program yang dinamik untuk kepentingan rakyat.

"BN adalah perkongsian dan permuafakatan yang besar dan berjaya," katanya dalam ucapan aluan sempena sambutan ulang tahun ke-25 BN di Stadium Nasional Bukit Jalil, dekat sini.

Abdullah yang juga pengerusi jawatankuasa induk sambutan berkata, sejak penubuhannya, BN telah berjaya meningkatkan kemakmuran rakyat serta memberikan keselamatan kepada mereka.

Menurutnya, hasil daripada segala program yang diwujudkan oleh BN telah berjaya dinikmati oleh semua lapisan rakyat.

"BN telah membina sebuah negara di mana rakyat telah dapat hidup dalam keadaan aman dan sentosa."

"Negara bersyukur kerana allaryahram Tun Abdul Razak bersama-sama dengan pemimpin yang lain ketika itu telah dapat bersama-sama menjayakan penubuhan BN yang sehingga hari ini berjaya membuktikan kemampuannya mentadbir negara dengan baik," katanya

Beliau juga berkata negara dan BN berbangga dengan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa memberi perhatian kepada kepentingan rakyat.

Abdullah menyifatkan perhimpunan hari ini yang dihadiri oleh lebih 100,000 orang sebagai yang terbesar dalam sejarah Malaysia.

Dalam ucapan lebih 15 minit itu beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua parti komponen BN pemimpin serta anggota yang bertungkus-lumus menjayakan sambutan ini.

-- BERNAMA

RV FAZ